

PENUTUP

PENUTUP

Hasil kajian dapatlah dirumuskan bahawa peranan sekuriti hutang Islam adalah sangat penting untuk memajukan pasaran modal di Malaysia. Modal yang dijana daripada pasaran modal akan digunakan untuk membaiayai pembangunan ekonomi negara, jika modal yang diperolehi itu daripada sumber yang diperakui syarak kemajuan ekonomi negara kita lebih diberkati dan diredhai Allah.

Elemen-elemen yang membentuk pasaran modal terdiri daripada pasaran saham, pasaran hadapan dan pasaran hutang. Oleh itu setiap unit pasaran perlu diislamisasikan satu persatu dengan memperkenalkan instrumen-instrumen yang berlandaskan syarak. Pada peringkat awal usaha ini, amat sukar untuk mewujudkan instrumen-instrumen yang dapat memenuhi syarak dan juga dapat bersaing dengan instrumen konvensional kerana sistem ekonomi dan sistem kewangan negara kita pernah dikawal dan digerakkan oleh penjajah yang melaksanakan sistem konvensional. Walau bagaimanapun kita perlu memberi ruang kepada sistem kewangan Islam untuk berkembang dan memperbaiki instrumen-instrumen yang dilaksanakan agar lebih menepati syarak. Sekuriti hutang Islam yang dilaksanakan di Malaysia juga tidak dapat lari daripada masalah dipertikaikan ketepatannya berlandaskan syarak.

Isu yang timbul ialah kesahihan jual beli hutang kepada pihak ketiga dalam pasaran kedua dan juga pendiskaunan harga hutang tersebut. Oleh

kerana tiada nas yang sahih yang melarang jual beli hutang kepada orang ketiga dan juga pendiskaunan harga, maka ulama Malaysia mengambil sikap ia harus dilaksanakan untuk maslahah ekonomi negara. Jika bon Islam itu tidak boleh diniagakan dalam pasaran kedua kepada pihak ketiga sudah tentu para pelabur akan menghadapi masalah untuk mendapatkan kecairan. Sedangkan penerbit bon akan membayar balik hutang mereka selepas tamat tempoh matang iaitu selama tiga, lima atau sepuluh tahun. Para ulama Timur Tengah hanya berujah menggunakan *hadīth* yang *da’if* dan perawi yang tidak *thiqah* dan ini tidak meyakinkan untuk dijadikan dalil.

Walau bagaimanapun bagi mengoptimakan penggunaan bon Islam di seluruh negara Islam perlu dilakukan kajian yang lebih mendalam di kalangan para ulamak dan juga pakar kewangan agar dapat mencari satu jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah jual hutang dan juga pendiskaunan harga hutang ini. Mungkin satu instrumen menggunakan akad yang lebih menepati syarak dapat dihasilkan dan lebih berdaya saing untuk dilaksanakan sebagai satu method untuk mendapatkan modal bagi membiayai perbelanjaan pembangunan negara.

Jika instrumen ini dapat diluaskan skop penggunaannya kita dapat menarik pelabur pelabur negara Islam yang lain untuk saling bekerjasama memberi bantuan modal dan kita tidak perlu bergantung kepada negara-negara bukan Islam.